



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (PEMBANGUNAN)

Bilangan 4 Tahun 2022

PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN SISTEM e-RUANG DAN e-PROJEK BAGI PERMOHONAN RUANG DAN PROJEK UBAHSUAI/NAIKTARAF DI UiTM

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkenaan penggunaan sistem e-Ruang dan e-Projek bagi permohonan ruang baharu & menukar status ruang sedia ada dan permohonan projek ubahsuai/naiktaraf di seluruh kampus UiTM (pada masa penggunaan ini adalah tidak termasuk Kampus Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) sehingga diberitahu kelak).

LATAR BELAKANG

2. Sistem e-Ruang dan e-Projek telah dibangunkan oleh Jabatan Infrastruktur dengan kerjasama Jabatan Infostruktur, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur (PPI). Sistem e-Ruang dibangunkan bertujuan untuk merekod permohonan pengurusan ruang baharu & pertukaran fungsi/status ruang sediaada manakala sistem e-Projek bertujuan untuk merekod permohonan pengurusan projek ubahsuai/naiktaraf.

3. Pelaksanaan penggunaan sistem e-Ruang dan e-Projek ini bermula dengan fasa pertama di UiTM Shah Alam dan UiTM Cawangan Selangor pada 3 Mei 2021 berdasarkan Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Bil. 4 Tahun 2021.

PELAKSANAAN

4. Penguatkuasaan pelaksanaan sistem e-Ruang dan e-Projek ini akan dipeluaskan ke seluruh sistem UiTM (pada masa penggunaan ini adalah tidak termasuk Kampus Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) sehingga diberitahu kelak) bagi memudahkan PTJ membuat permohonan dan menyemak status permohonan secara dalam talian.

5. Pelaksanaan permohonan ruang dan projek di dalam sistem e-Ruang dan e-Projek adalah seperti berikut :

- 5.1 Semua permohonan ruang iaitu ruang baharu dan pertukaran fungsi/status ruang sedia ada hendaklah dimohon melalui sistem e-Ruang. Semakan keputusan permohonan juga boleh dibuat melalui sistem ini. Pemakluman keputusan permohonan akan dihantar kepada pemohon melalui e-mel.
- 5.2 Bagi semua permohonan projek ubahsuai/naiktaraf, PTJ hendaklah mengisi permohonan dalam sistem e-Ruang terlebih dahulu bagi tujuan semakan status ruang. Setelah semakan oleh Unit Pengurusan Ruang dibuat, keputusan permohonan dan tindakan yang perlu diambil akan dimaklumkan kepada pemohon melalui e-mel.
- 5.3 Bagi permohonan projek yang melibatkan permohonan ruang baharu dan perubahan fungsi/status ruang sedia ada, permohonan tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Fasiliti (JPPF/JPPFN) bagi tujuan kelulusan ruang.
- 5.4 Setelah permohonan diluluskan, seterusnya permohonan projek boleh dibuat melalui sistem e-Projek.
- 5.5 Semakan status permohonan projek boleh dibuat dalam sistem e-Projek.
- 5.6 Sistem e-Ruang dan e-Projek boleh dicapai melalui Portal Sistem Pengurusan Fasiliti dengan menggunakan pautan fms.uitm.edu.my.
- 5.7 Disertakan bersama Lampiran Carta Alir Proses Ruang (Lampiran 1) dan Permohonan Projek (Lampiran 2).

6. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Jabatan Infrastruktur, Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur (PPII) atau Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) Kampus Cawangan.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling ini dikeluarkan pada **16 Ogos 2022**.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 September 2022**.



PROF. DATO' IR. TS . DR. HJ. MOHD FOZI ALI
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Dikelilingkan Kepada :
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan Fakulti/Akademik/Institut
Rektor UiTM Cawangan

Bil Fail : 100-PPII(PTA 6/7/4)

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN RUANG

Tanggung Jawab	Aliran Kerja	Proses kerja
PTJ/Jabatan Infrastruktur/ Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) Cawangan	<pre> graph TD Start(()) --> 1[1] 1 --> 2{2} 2 -- "Tidak Perlu" --> 3[3] 2 -- "Perlu kelulusan ruang" --> 4{4} 4 -- LULUS --> 5[5] 4 -- TIDAK --> End([Terima Emel Notifikasi / TAMAT]) 5 --> End </pre>	Membuat Permohonan di e-Ruang
Jabatan Infrastruktur/ Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) Cawangan	Semakan Permohonan	
Jabatan Infrastruktur/ Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) Cawangan	Mesyuarat JPPF/JPPFN	
Jabatan Infrastruktur/ Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) Cawangan	Keputusan Mesyuarat	
PTJ/ Jabatan Infrastruktur/ Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) Cawangan	Terima Emel Notifikasi Status Permohonan	

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PROJEK

Tanggung Jawab	Aliran Kerja	Proses kerja
PTJ/Jabatan Infrastruktur/ Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) Cawangan	<pre> graph TD Start(()) --> 1[1] 1 --> 2{2} 2 -- "Perlu Kelulusan Ruang" --> 3[3] 2 -- "Tidak Perlu Kelulusan Ruang" --> 4[4] JPPF{JPPF/JPPFN} -- Lulus --> 3 JPPF -- Tidak --> 4 3 --> Terima[Terima Emel Notifikasi / TAMAT] 4 --> End(()) </pre>	Membuat Permohonan di e-Ruang & Terima Nombor Permohonan Ruang
Jabatan Infrastruktur/ Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) Cawangan	Semakan Ruang	
PTJ/Jabatan Infrastruktur/ Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) Cawangan		Terima emel Notifikasi Status Permohonan Ruang
PTJ/Jabatan Infrastruktur/ Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) Cawangan		Membuat Permohonan di e-Projek Dengan Menggunakan Nombor Permohonan Ruang